

Kita tidak memihak: Mahathir

BH 18 AUG 1990

SEREMBAN, Jumaat — Malaysia sentiasa berpegang kepada pendirian tidak akan menyokong mana-mana negara Islam yang berperang dengan negara Islam lain, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, perjuangan Malaysia ialah untuk menegakkan bangsa dan negara Islam, bukannya menghancurkan umat Islam menerusi peperangan yang boleh mengurangkan penghormatan negara bukan Islam terhadap agama Islam.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, Malaysia tidak perlu bersimpati dengan Iraq "kerana jika Iraq kuat, mengapa mereka tidak menyerang Israel?"

Beliau berkata demikian apabila menjawab soalan daripada seorang pegawai kanan kerajaan dalam sesi dialog di sini, hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, krisis di Teluk Parsi itu bermula dengan pencerobohan Iraq ke atas Kuwait, dan dengan itu sewajarnya bagi Malaysia tidak berpihak kepada Iraq di atas perbuatan kejahanya itu.

Ditanya mengapa Arab Saudi perlu mendapatkan bantuan tentera Amerika Syarikat, beliau berkata, dalam keadaan terdesak sesebuah negara tidak boleh memilih sama ada orang yang memberi bantuan itu Islam atau tidak.

"Malaysia memang boleh menghantar tenteranya ke Arab Saudi, tetapi sanggupkah tentera kita melawan kekuatan sejuta lebih tentera Iraq? Oleh

itu, kita perlu bertimbang rasa dengan nasib Arab Saudi," katanya.

Sebelum itu, dalam ucapannya di majlis perletakan batu asas Pusat Dakwah Islamiah di Paroi, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Iraq sepatutnya menyelesaikan masalah yang dihadapinya dengan Kuwait secara rundingan.

Katanya, perbuatan Iraq itu mencemarkan imej Islam dan kekuatan dakwah kerana selama ini umat Islam melaunglaungkan Islam sebagai agama yang suci dan damai sedangkan mereka berperang sesama sendiri.

Beliau kluatir suatu hari nanti Makkah dan Madinah sebagai tempat suci agama Islam akan turut dicerothi berikutan tindakan negara Islam yang kasar dan ganas semata-mata kerana perbezaan fahaman politik dan ekonomi.

Sementara itu di Kuala Lumpur, Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba, hari ini berkata mesyuarat mingguan Kabinet minggu depan mungkin membincangkan permohonan Arab Saudi untuk mendapatkan bantuan ketenteraan dari Malaysia.

Katanya perkara itu akan dipertimbangkan oleh Kabinet dan keputusan mengenainya hanya boleh dibuat oleh Kabinet.

Beliau berkata demikian kepada pemberita di sini sebagai mengulas permohonan bantuan ketenteraan itu oleh Raja Fahd yang disampaikan oleh utusannya kepada Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah semalam.